

## PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PROGRAM PEMULIHAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI RUMAH PERLINDUNGAN TERPILIH

**Community Involvement in the Rehabilitation  
Programme of Unmarried Pregnant Teenagers at  
Selected Shelter Home**

**Nur Ain Sumaiyah@Sumitra Bt Valaitham<sup>1</sup>**  
**Raihanah Abdullah<sup>2</sup>**  
**Nurul Husna Mansor<sup>3</sup>**  
**Wahidah Fitriani<sup>4</sup>**

### ABSTRACT

*The community plays a crucial role in changing and shaping the behaviour of unmarried pregnant teenagers. Research indicates that these teenagers often face social exclusion because their actions are seen as violations of community norms, leading to their placement in protective institutions to*

<sup>1</sup> Corresponding Author. Master Candidate, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, ciksue1908@gmail.com

<sup>2</sup> Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, raihanah@um.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Da'wah and Human development, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, nurulhusna@um.edu.my

<sup>4</sup> Senior Lecturer, Department of Psychology, Universitas Islam Negeri Mahmud Yunus Batusangkar, Indonesia, wahidahfitriani@uinmybatusangkar.ac.id

*conceal pregnancy. This study focuses on the community's role in aiding the behavioral treatment of adolescents in shelters, specifically Darul Wardah (DARWA) Shelter in Selangor, Pusat Jagaan Baitus Solehah (BS) in Johor, and Generasiku Sayang (GKS) in Kelantan. The main objective of this study is to explore the impact of community involvement in the rehabilitation programs at these shelters and to suggest ways to enhance this involvement. A qualitative approach was employed, utilising a multiple case study design and semi-structured interviews to analyse community involvement in recovery programs for pregnant teenagers in selected shelters. The participants of this study consisted of two groups: (a) six shelter residents, and (b) four authority figures, including managers and counsellors. The findings revealed that the three shelters had various community programs involving families, neighbourhoods, and stakeholders, such as the Institute of Higher Education and the Ministry of Health. However, there is a notable gap in parental involvement and direct support to meet the needs of youth.*

**Keywords:** *rehabilitation, community, teenager, unmarried, pregnancy*

## PENDAHULUAN

Berdasarkan statistik, fenomena kehamilan luar nikah di Malaysia dilihat seolah-olah tidak mempunyai kesudahan kerana jumlah kehamilan luar nikah yang di daftar di Klinik Kesihatan sehingga tahun 2017 adalah seramai 3,694 remaja.<sup>5</sup> Berdasarkan statistik tersebut, secara purata kes kehamilan luar nikah mencatatkan 300 kes sebulan yang didaftarkan. Tambahan lagi, statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2017 hingga 2022 mencatatkan kes kehamilan remaja luar nikah sebanyak 14,379 kes. Anggaran purata kes sehari kehamilan luar nikah yang dilaporkan di Malaysia adalah kira-kira 28 kes sepanjang tahun 2017

<sup>5</sup> T.p., ‘Statistik Remaja Hamil 2014-2018’, *Sinar Harian*, 4 Mac 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/16145/infografik/statistik-remaja-hamil>

hingga 2022.<sup>6</sup> Selain itu, rekod statistik pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf di Jabatan Pendaftaran Negara juga menunjukkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 25,567 sejak tahun 2019 sehingga kini.<sup>7</sup>

Dalam konteks Malaysia, pihak kerajaan telah mengusahakan pelbagai mekanisme bagi tujuan pemulihan remaja hamil luar nikah. Sebagai contoh, penggubalan Akta Kanak-Kanak 2001 yang menyatakan keperluan penubuhan rumah pemulihan bagi tujuan perlindungan dan pemulihan remaja yang bermasalah. Bagi merealisasikan usaha ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi utama yang menggerakkan usaha pemulihan dengan melibatkan masyarakat dalam pelbagai program menerusi penubuhan Rumah Perlindungan Taman Sri Puteri (TSP). Selain TSP, terdapat pusat perlindungan lain di bawah kelolaan JKM seperti Pusat Jagaan Sinar Kasih dan beberapa pusat pemulihan akhlak lain.

Mahkamah Syariah juga memerintahkan agar pesalah muda dihantar ke rumah perlindungan sebagai usaha untuk memberi peluang kepada mereka membaiki kesalahan dan mengurangkan implikasi dipenjara. Kuasa penubuhan rumah perlindungan terletak dibawah Majlis Agama Islam Negeri dan hanya 7 negeri yang mempunyai peruntukan penubuhan rumah perlindungan iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang dan Sarawak. Namun hanya Majlis Agama Selangor yang mengamalkan perintah melalui pemulihan di rumah perlindungan iaitu Baitul Ehsan (BES). Selain kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persendirian juga komited dalam membantu pemulihan akhlak remaja hamil luar nikah melalui pelbagai program sama ada berbentuk keagamaan seperti pengajian ilmu agama,<sup>8</sup> pelaksanaan solat sunat, amalan harian, mahupun berbentuk penguatkuasaan peraturan,

<sup>6</sup> Jamie, ‘KPWKM Minister: Msia Records 28 underage Pregnancies Daily, 35 % out Wedlock’, *Newswav*, 1 Januari 2022, [https://newswav.com/A2201\\_1QKS2L?utm\\_source=Newswav&utm\\_medium](https://newswav.com/A2201_1QKS2L?utm_source=Newswav&utm_medium).

<sup>7</sup> Khairunnisa Kasnoon, ‘Tidak sah taraf, masa depan anak diragut’, *Astro Awani*, 2 November 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-sahtaraf-masa-depan-anak-diragut-266368>, diakses 2 Mac 2021.

<sup>8</sup> Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman & Shahrulanuar Mohamed. ‘Pemulihan Diri Remaja Hamil Luar Nikah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor’ *Journal of Human Capital Development*, vol. 14/1 (2021).

pembangunan latihan konvensional<sup>9</sup> perkhidmatan kaunseling<sup>10</sup> serta penglibatan dalam khidmat masyarakat.

Situasi ini memperlihatkan bahawa pelbagai pihak mengambil tanggungjawab dalam menggembung usaha pemulihan remaja hamil luar nikah. Secara jelasnya, program pemulihan tidak akan berhasil jika hanya melibatkan pihak-pihak tertentu seperti pusat perlindungan sahaja malah ia perlu melibatkan penyertaan penuh dari seluruh komuniti. Hal ini akan lebih membantu meningkatkan keyakinan diri remaja hamil luar nikah untuk mereka kembali dalam kelompok masyarakat selepas melalui proses pemulihan di rumah perlindungan.

Pemulihan bagi remaja hamil luar nikah perlu mengambil kira pelbagai aspek termasuk emosi, fizikal, rohani dan sistem sosial. Kajian menunjukkan majoriti individu yang terlibat dalam masalah sosial khususnya kehamilan luar nikah adalah disebabkan oleh masalah hubungan dan komunikasi dengan orang sekeliling seperti ibu bapa, rakan sebaya dan komuniti sekeliling mereka. Kesibukan ibu bapa mencari rezeki bagi menampung perbelanjaan keluarga disebabkan desakan ekonomi negara pada masa kini telah memaksa ibu bapa untuk bekerja lebih masa terutamanya kehidupan di bandar. Terdapat tiga ciri utama ketidakfungsian keluarga remaja perempuan yang terlibat dengan perkara yang tidak terkawal iaitu mempunyai sosioekonomi yang rendah, gaya keibubapaan yang tidak bersesuaian dan mereka tidak mempunyai *role model* yang baik dalam keluarga.<sup>11</sup>

Hal ini menunjukkan remaja yang berhadapan dengan kemelut ketidakfungsian keluarga akan mudah ter dorong kepada tingkah laku yang tidak terkawal. Sebaliknya, hubungan yang rapat dengan ibu bapa berupaya memberi kesan daya tahan remaja hamil luar nikah di rumah perlindungan

<sup>9</sup> Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff, ‘Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur’, *Jurnal Usuluddin*, vol. 48/2 (2020): 1-23.

<sup>10</sup> Haslina Junid, Mohd Suhadi Mohamed Sidik & Nor Hernamawarni Abdul Majid. ‘Penghargaan Kendiri Dalam Kalangan Remaja Di Pusat Pemulihan Akhlak’, *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, vol. 1/1 (2022).

<sup>11</sup> Maznah Othman, Norulhuda Sarnon & Ezarina Zakaria, ‘Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal yang Dirujuk Ibu Bapa untuk Intervensi Kerja Sosial’, *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 16/9 (2019): 86-101.

termasuk menentukan lokus kawalan seksual individu.<sup>12</sup> Hal ini disebabkan, faktor pelindung yang membuat remaja rasa selamat adalah ibu bapa yang membantu mereka bangkit daripada tekanan. Oleh kerana itu, kajian lepas menekankan keperluan intervensi yang merangkumi aspek hubungan kekeluargaan dan komuniti.<sup>13</sup>

Selain ibu bapa, pengaruh rakan sebaya juga memainkan faktor yang penting dalam pembangunan diri seseorang remaja. Hal ini kerana, remaja banyak menghabiskan masa bersama rakan mereka di sekolah dan luar sekolah serta mereka akan suka keluar bersama terutamanya jika mereka kurang mendapat perhatian ibu bapa di rumah. Keadaan ini akan membuatkan mereka merasakan rakan sebaya lebih memahami keinginan dan kehendak mereka. Remaja juga dikatakan mudah terdorong untuk mengikuti tingkah laku individu yang mereka akrab dan mempunyai minat yang sama. Dalam satu hadis, Abū Mūsā al-Ash'arī meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا مُثَلُّ الْجَلِيلِ الصَّالِحُ وَالْجَلِيلِ السُّوءُ كَحَامِلِ الْمِسْنَكِ وَنَافِعُ الْكِبِيرِ،  
فَحَامِلُ الْمِسْنَكِ إِمَّا أَنْ يُخْدِيَكَ وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ وَإِمَّا أَنْ يَجِدَ مِنْهُ رِيحًا  
طَبِيعَةً، وَنَافِعُ الْكِبِيرِ إِمَّا أَنْ يُخْرِقَ ثِيابَكَ وَإِمَّا أَنْ يَجِدَ رِيحًا حَبِيبَةً

“Sesungguhnya perbandingan antara teman yang soleh dan teman yang buruk ialah seperti penjual wangian dan tukang besi; penjual wangian itu sama ada dia memberikan sedikit dari minyak wanginya kepadamu atau engkau membeli daripadanya atau engkau dapat mencium bau yang wangi daripadanya. Manakala tukang besi itu, sama ada ia akan menyebabkan bajumu terbakar atau engkau mencium bau yang busuk daripadanya”.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> Faridah Mydin Kutty, ‘Ikatan Keibubapaan dan Perapatan Rakan Sebaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Belia Felda Chini, Pahang’, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 7/4 (2022).

<sup>13</sup> Noraffy Ahmad & Nasrudin Subhi, ‘Meneroka Faktor Resilien dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah yang Tinggal di Pusat Perlindungan’, *Jurnal Psikologi Malaysia*, vol. 34/2 (2020).

<sup>14</sup> Muslim Ibn al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Saḥīḥ Muslim*, vol. 4 (al-Qāhirah: Maṭba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Sharqāḥu, t.t.), 2026, ‘Bāb Istiḥbāb Mujālasah al-Šāliḥīn wa Mujānahah Qurānā’ al-Sū’, no. ḥadīth 2628.

Hadir di atas jelas menunjukkan penekanan Nabi Muhammad SAW terhadap pemilihan teman rapat kerana ia akan mempengaruhi akhlak seseorang individu terutamanya zaman remaja yang sedang mencari identiti mereka. Desakan ingin diterima oleh kelompok rakan sebaya juga akan mendorong mereka mengikuti tingkah laku pergaulan bebas sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah.

Menurut Siti Balqis, penyertaan komuniti dalam pemulihan remaja hamil luar nikah adalah sangat penting bagi mengurangkan risiko pengulangan kesalahan mereka. Di negara maju, program Strategi Jaringan Kerja Pelbagai Perkhidmatan dan Sektor (MST) dilaksanakan sebagai program intervensi remaja yang berisiko. Hasilnya, pelaksanaan program pemulihan yang melibatkan pembangunan hubungan remaja dengan rakan sebaya, komuniti dan ibu bapa memberi impak yang positif berbanding pemulihan hanya menumpukan perubahan kendiri tanpa penyusunan semula penstrukturran sosial mereka.<sup>15</sup>

Remaja yang terjerumus dengan masalah kehamilan luar nikah sememangnya berisiko berhadapan dengan masalah penyisihan sosial. Penyisihan sosial berlaku dalam kalangan masyarakat yang mempunyai stigma negatif terhadap remaja bermasalah. Sebagai contoh, bagi masyarakat Malaysia, mereka beranggapan kelakuan remaja bermasalah bercanggah dengan norma dan menyalahi adat serta nilai-nilai agama.<sup>16</sup> Kajian menunjukkan pengulangan jenayah juga terjadi disebabkan kekurangan kesedaran komuniti dan penyisihan sosial oleh masyarakat.<sup>17</sup> Kekurangan kesedaran komuniti dalam tanggungjawab membantu remaja yang terlanjur telah memberi kesan negatif kepada perkembangan kognitif, fizikal dan emosi mereka disebabkan komuniti sering menyalahkan sehingga mereka mengasingkan diri dari orang

<sup>15</sup> Siti Balqis Mohd Azam & Nik Mohd Arif Abd Razak, ‘Terapi Pelbagai Sistem Dalam Program Pemulihan Berasaskan Keluarga Untuk Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-Undang; Kertas Konseptual’, *The Malaysian Journal of Social Administration*, vol. 14/1 (2020): 115-137.

<sup>16</sup> Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi, ‘Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih’, *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, vol. 7/2 (2020): 219-234.

<sup>17</sup> N.K. Tharshini, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria, ‘Pengaruh Faktor Konsep Kendiri, Kesedaran Komuniti dan Sokongan Sosial Terhadap Pengintegrasian Sosial Bagi Pesalah Muda Di Malaysia’, *Kajian Malaysia*, vol. 39/1 (2021): 117-140.

sekeliling. Sedangkan remaja yang hamil luar nikah sangat memerlukan sokongan daripada keluarga dan masyarakat dalam membantu membaiki kesilapan lampau. Menurut Siti Hajar dan Pathmanathan, individu yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan akan kelihatan tidak sihat disebabkan indikator kualiti hidup seseorang adalah kefungsian individu dalam masyarakat sosial.<sup>18</sup>

Ringkasnya, kajian berkaitan remaja hamil luar nikah telah banyak dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Pelbagai isu dan cabaran yang dibahaskan oleh pengkaji berkenaan pemulihan remaja hamil luar nikah. Walaubagaimanapun, kajian khusus berkaitan keperluan penglibatan komuniti dalam pemulihan di rumah perlindungan masih kurang dibincangkan. Sehubungan itu, artikel ini akan meneroka penglibatan komuniti dalam program pemulihan di rumah perlindungan dalam konteks pemulihan akhlak remaja hamil luar nikah.

## **PERANAN KOMUNITI DALAM PEMULIHAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH MENURUT ISLAM**

Komuniti merujuk kepada sekelompok manusia yang mendiami kawasan sama, mempunyai kesefahaman autonomi politik, persahabatan, kepercayaan agama, pelbagai etnik dan kerap ada fungsi atau pekerjaan yang dominan.<sup>19</sup> Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan beberapa ciri komuniti iaitu pertama segolongan manusia yang tinggal satu kawasan dan mempunyai interaksi, kedua komuniti yang mempunyai persamaan dan ketiga ahli komuniti yang melakukan aktiviti bersama dalam perkongsian pandangan ke arah pembangunan masa depan.<sup>20</sup> Berdasarkan penjelasan ini, ternyata komuniti adalah satu kelompok yang saling tolong-menolong dan juga diklasifikasikan sebagai satu kelompok individu yang memiliki ikatan erat dan saling menguatkan satu sama lain.

<sup>18</sup> Pathmanathan R. Nalasamy & Siti Hajar Abu Bakar Ah, *Hak Kanak-kanak Dalam Jagaan Institusi Awam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013).

<sup>19</sup> Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, ‘Pola Perubahan Sosiobudaya dan Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia’, *Akademika*, vol. 87/3 (2017): 165-178.

<sup>20</sup> Diana Conyers & Peter J. Hills, *An Introduction to Development Planning in The Third World* (New York: John Wiley & Sons, 1984).

Teori Ekologi Sosial yang diperkenalkan oleh Brofenbrenner berpandangan bahawa rangkaian persekitaran sosial saling berkait rapat dalam membentuk tingkah laku remaja.<sup>21</sup> Persekutaran sosial yang terdiri daripada ibu bapa, komuniti, individu dan masyarakat saling berinteraksi antara satu sama lain. Hubungan dan interaksi remaja dan persekitaran sosial ini akan menghasilkan kelakuan yang tertentu iaitu bergantung kepada kondusif persekitaran tersebut. Menurut al-Na’imy, manusia akan bertindak mengikut persekitaran, jika persekitaran tersebut didapati bersama komuniti yang berilmu dan beramal maka manusia akan cenderung ke arah yang lebih baik.<sup>22</sup> Al-Ghazali juga menegaskan pergaulan dengan orang soleh akan membentuk akhlak mulia, namun jika persekitaran yang mempunyai pengaruh negatif akan menghasilkan tingkah laku yang negatif.<sup>23</sup>

Selain itu, proses pembelajaran remaja adalah menerusi pemerhatian tingkah laku rangkaian sosial mereka khususnya orang signifikan dengan mereka. Hal ini dibincangkan oleh Albert Bandura melalui Teori Pembelajaran Sosial beliau bahawa hasil tingkah laku seseorang adalah melalui pengamatan individu secara peniruan dan tingkah laku *role model* mereka.<sup>24</sup> Oleh itu, rangkaian sosial adalah penting bagi fasa perkembangan remaja dalam membentuk tingkah laku yang bermoral. Berdasarkan penjelasan di atas jelas menunjukkan komuniti dalam konteks rangkaian sosial remaja boleh dibahagikan kepada dua, iaitu: 1) rangkaian sosial kecil seperti ibu bapa dan ahli keluarga; dan 2) rangkaian sosial besar meliputi kejiraninan, komuniti sekitar, agensi perkhidmatan komuniti. Tahap hubungan dengan dua sistem rangkaian sosial ini akan memberi gambaran tingkah laku remaja sebagai hasil interaksi timbal balik di antara remaja dengan sistem sosial sekelilingnya.

Keluarga merupakan komuniti kecil yang menjadi asas pembentukan masyarakat dan negara yang bertamadun. Malah keluarga juga berperanan

<sup>21</sup> Urie Bronfenbrenner, ‘Ecology of the Family as a Context for Human Development: Research Perspectives’, *Developmental Psychology*, vol. 22/6 (1986): 723-742.

<sup>22</sup> Abdullah al-Amin al-Na’imy, Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi, terj. Mohd. Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

<sup>23</sup> Muhammad Abul Qasem, *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethic in Islam* (US: The University of California, 1975).

<sup>24</sup> Albert Bandura, *Principles of Behavior Modification* (T.t.p: International Psychotherapy Institute, 2019).

sangat penting dalam membantu pemulihan remaja hamil luar nikah. Sokongan positif daripada keluarga untuk remaja yang terlanjur akan membantu mereka melalui proses pemulihan dalaman.<sup>25</sup> Bertitik tolak dari itu, seruan terhadap pemeriksaan peranan bapa sebagai ketua keluarga boleh didapati dengan jelas dalam al-Qur'an melalui surah al-Taḥrīm ayat 6 yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا قُوْمٌ وَّهُلْكَةٌ نَّارٌ وَّفُودُهَا النَّاسُ وَالْجِحَارَةُ عَلَيْهَا  
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُمُونَ اللَّهُ مَا أَمْرَمُهُمْ وَيَنْفَعُلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

(Surah al-Taḥrīm, 66: 6)

Bapa juga mempunyai tugas besar dalam mendidik anak-anak bagi membentuk akhlak yang baik. Sebagaimana firman Allah:

أُرْبِجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ إِمَّا فَضَلَّ اللَّهُ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَّإِمَّا آنفَقُوا مِنْ  
أَمْوَالِهِمْ فَالْمُصَلِّحُاتُ قَنَّتْ حَفْظَتْ لِلْعَيْبِ إِمَّا حَفْظَ اللَّهُ وَإِلَّا تَحْفُظُونَ  
نُشُورُهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنُكُمْ فَلَا  
بَعُوْعَ عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا كَيْرًا ﴿٣٤﴾

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihikan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan

<sup>25</sup> Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon & Chong Sheau Tsuey, 'Kehamilan Luar Nikah dan Reaksi Keluarga: Pengalaman Ibu Tanpa Nikah Yang Tinggal Di Rumah Perlindungan', *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 18/6 (2021): 100-111.

*yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”.*

(Surah al-Nisā’, 4: 34)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT telah menjelaskan bapa merupakan pemimpin keluarga yang memainkan peranan penting dalam membentuk kefungsian keluarga yang baik dan mendidik ahli keluarga nilai-nilai Islam ke jalan yang diredai Allah. Dalam Islam, peranan seorang bapa jelas yang dianggap sebagai ketua keluarga yang dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah, menyediakan tempat tinggal bagi menjamin keselamatan, dan mendidik ahli keluarga berlandaskan prinsip Islam iaitu anak-anak serta isteri.<sup>26</sup>

Seterusnya, peranan komuniti besar juga ditekankan oleh Islam dalam membantu pembentukan tingkah laku yang beretika dan bermoral. Setiap individu Muslim mempunyai tanggungjawab sebagai khalifah untuk memelihara alam dan hubungan sesama manusia dan menjadi agen pembangunan tamadun.<sup>27</sup> Sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayat oleh ‘Abd Allāh bin ‘Umar RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang maksudnya:

عَنْ أَبْنَىٰ عُمَرَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ لَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

<sup>26</sup> Ahmad Hariri Mohd Saat & Raihanah Azahari, ‘Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif’, *Jurnal Syariah*, vol. 29/3 (2021).

<sup>27</sup> Nurul Husna Mansor & Raihanah Abdullah, ‘Peranan Komuniti Dalam Pengadilan Restoratif Menurut Islam’, dalam *Keadilan Restoratif Bagi Kanak-Kanak di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Kerja Sosial*, eds. Jal Zabdi Mohd Yusoff et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2020), 23-48.

وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ  
بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ  
عَنْهُ أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

*“Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggungjawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggungjawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggungjawab atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggungjawab atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggungjawab atas kepemimpinannya”.*<sup>28</sup>

Tanggungjawab komuniti untuk bersama dalam proses pemulihan remaja sangat penting dalam membantu pembinaan keyakinan diri dan pembentukan jati diri dengan pengintegrasian semula dalam komuniti. Hal ini demikian, remaja tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi dalam menghadapi penerimaan negatif oleh masyarakat. Hal ini juga sejajar dengan firman Allah SWT yang menyatakan manusia yang terbaik adalah mereka mengajak manusia yang lain kepada kebaikan dan menegah kemungkaran disekeliling sebagaimana ayat al-Qur'an berikut:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ لِلنَّصِّاوةِ وَيُؤْتُونَ الْزَكَوَةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ  
سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

*“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya.*

<sup>28</sup> Muslim Ibn al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Saḥīḥ Muslim*, vol. 3, 459, ‘Bāb Faḍīlah al-Imām al-‘Ādil wa ‘Uqūbah al-Jā’ir wa al-Ḥath ‘alā al-Rifq bi al-Ra‘iyah wa al-Nahy ‘an Idkhāl al-Mashaqqah ‘alayhim’, no. *hadīth* 1829.

*Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.*

(Surah al-Tawbah, 9: 71)

Baginda Nabi Muhammad SAW menegaskan juga dalam hadis berkaitan kewajipan komuniti menjalankan tugas-tugas pemulihan masyarakat iaitu *amar ma'ruf nahī munkar* melalui hadis berikut:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : بِمِنْعَثِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُعِيْسِهِ بِيَدِهِ ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلِسَانِهِ إِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

*“Dari Abū Sa‘id al-Khudrī R.A berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Siapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka ubahlah (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman”.*<sup>29</sup>

Peranan anggota komuniti bagi tujuan menyuruh kebaikan dan menegah keburukan turut ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Tawbah, ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَيَاءُ بَعْضٍ ه يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ الْصَّلَاةَ وَبُنُوُّنَ الْرَّكُوْنَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ه أُولَئِكَ سَيِّدُنَّاهُمُ اللَّهُ ه إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

*“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.*

(Surah al-Tawbah, 9: 71)

<sup>29</sup> Muslim Ibn al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, vol. 1, 69, ‘Bāb Bayān Kawn al-Nahy ‘an al-Munkar min al-Īmān’, no. ḥadīth 49.

Ringkasnya, Islam sangat memberi penekanan kepada tanggungjawab dan hak setiap muslim sebagai komuniti untuk bermanfaat kepada manusia yang lain. Sebagai ibu bapa, besar tanggungjawab yang perlu dimainkan dalam membantu anak mereka yang tergolong sebagai remaja hamil luar nikah dan tidak menghukum serta menyisih mereka. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab dalam membantu memberi sokongan dan bimbingan dalam pemulihan akhlak remaja yang terlanjur. Seterusnya, komuniti sekeliling remaja seperti jiran, rakan sebaya dan guru juga perlu memainkan peranan untuk menyantuni dan membimbangi golongan remaja yang terlanjur supaya mereka bermotivasi untuk berubah menjadi manusia yang lebih baik.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk menganalisis bentuk penglibatan komuniti dalam proses pemulihan di rumah perlindungan terpilih iaitu rumah perlindungan Baitus Solehah (BS), rumah perlindungan Generasiku Sayang (GKS) dan Pertubuhan Kebajikan Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Warda (DARWA). Bagi menjawab objektif kajian, pengumpulan data dijalankan melalui penelitian dokumen ke atas modul, pamphlet dan laporan bertulis di rumah perlindungan tersebut. Data juga diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur ke atas 10 orang yang terdiri daripada 6 orang pelatih dan 4 pihak autoriti rumah perlindungan. Informan dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kriteria pemilihan sampel dalam kalangan remaja hamil luar nikah ialah penghuni rumah perlindungan terpilih, telah mempunyai anak atau sedang mengandung, tidak mempunyai suami, dan tidak mengalami penyakit mental. Bagi penganalisaan data, kajian ini menggunakan perisian *atlas ti* edisi 9 untuk mengekodkan transkrip temu bual mengikut tema yang bersesuaian.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 1. Latar Belakang Ringkas Rumah Perlindungan

Rumah perlindungan Baitus Solehah (BS) terletak di Skudai, Johor. Rumah perlindungan ini telah lama beroperasi bermula tahun 2012 dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2013. Rumah perlindungan ditubuhkan oleh seorang pesara guru Maktab Rendah Sekolah Menengah (MRSM) iaitu

Puan Muna Liza atas usaha beliau sendiri bagi membantu memberi perlindungan dan pemulihan kepada remaja yang terlanjur. Rumah perlindungan ini didaftar dibawah Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) untuk tujuan pemantauan. Syarat untuk kemasukan rumah perlindungan adalah harus bawah 6 bulan. Rumah ini dikendalikan mengikut garis panduan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan merupakan kelolaan persendirian yang stafnya terdiri dalam kalangan ahli keluarga pemilik rumah perlindungan tersebut iaitu tenaga pengajar, doktor, kaunselor (pengurus rumah) dan pengurus logistik.

Rumah perlindungan Generasiku Sayang (GKS) terletak di Tumpat, Kelantan. Rumah GKS di Kelantan terbentuk hasil usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mengikut rangka contoh penubuhan Pusat Jagaan Generasiku Sayang di Johor Bharu. Pelancaran Rumah Generasiku Sayang dirasmikan oleh isteri Tengku Temenggung Tun Puan Hayati pada tahun 2016. Pada awal penubuhan rumah ini, terdapat 11 orang penyelia termasuk pengurus daripada kakitangan hospital ditugaskan untuk menyelia rumah tersebut. Rumah ini boleh memuatkan 10 orang penghuni pada satu masa.<sup>30</sup> Pengendalian rumah GKS oleh jururawat dibawah Kementerian Kesihatan.

Rumah perlindungan yang didaftarkan atas nama Pertubuhan Kebajikan Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (DARWA) pada tahun 2013 telah mula beroperasi sejak 1 September 2008. Rumah perlindungan ini juga bernaung di bawah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Pada peringkat awal, tujuan penubuhan rumah perlindungan ini adalah untuk memberi perlindungan kepada saudara baru. Namun begitu, melihat kepada permintaan untuk perlindungan terhadap kehamilan luar nikah agak tinggi maka rumah ini menjadi salah satu tempat pemulihan dan perlindungan kepada golongan hamil luar nikah sehingga kini. Selepas beberapa tahun, DARWA telah di daftarkan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai satu badan bukan kerajaan dibawah Akta Pertubuhan 1966. Pendaftaran ini telah menyebabkan perubahan nama rumah perlindungan ini dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (DARWA). Mulai 14 Mac 2013, DARWA telah didaftar dibawah Jabatan Kebajikan Malaysia bagi tujuan pemantauan dan peninjauan pihak berkuasa.<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> Buku Panduan SOP GenerasiKu Sayang.

<sup>31</sup> Pamflet Rumah Perlindungan Darul WARDAH.

## 2. Demografi Informan

Demografi informan terdiri daripada 6 orang pelatih dan 4 orang autoriti di rumah perlindungan. Maklumat adalah seperti berikut:

Jadual 1: Maklumat Pihak Autoriti Rumah Perlindungan

Rumah Perlindungan	Informan	Nama
Baitus Solehah	Pengurus	Puan Muna Liza
Generasiku Sayang	Pengurus	Puan Siti
DARWA	Pengurus Kaunselor	Puan Nisha
		Puan Baizura

Sumber: Hasil Temu bual Responden di Rumah Perlindungan

Jadual 2: Maklumat Pelatih Rumah Perlindungan

Rumah Perlindungan	Pelatih	Umur	Tempoh Menghuni	Asal
Baitus Solehah	1	25 tahun	6 bulan	Shah Alam
	2	21 tahun	2 bulan	Terengganu
Generasiku Sayang	3	24 tahun	3 bulan	Kelantan
	4	20 tahun	10 bulan	Pulau Pinang
DARWA	5	21 tahun	1 tahun	Pulau Pinang
	6	20 tahun	11 bulan	Perak

Sumber: Hasil Temu bual Responden di Rumah Perlindungan

## 3. Hasil Kajian

Berdasarkan penelitian dan temu bual, kajian ini mendapati penglibatan komuniti dalam program pemulihan remaja hamil luar nikah di rumah perlindungan terpilih berlaku dalam beberapa bentuk seperti berikut:

### a) Program yang Mengintegrasikan Ahli Keluarga Khususnya Ibu Bapa

Komuniti keluarga adalah komponen yang paling penting dalam memainkan peranan apabila mengintegrasikan remaja ke dalam masyarakat.<sup>32</sup> Hal ini disebabkan keluarga adalah sebahagian daripada masyarakat dan juga asas sebuah masyarakat.<sup>33</sup> Pengabaian ibu bapa dalam mendidik dan memberi kasih sayang akan mencenderung remaja kepada

<sup>32</sup> Muhammad Khairi Nabil Ezaddin & Azlina Abdullah, ‘Peranan Keluarga Dalam Kawalan Sosial Tingkah Laku Devian Mahasiswa’, *e-BANGI Journal*, vol. 18/2 (2021).

<sup>33</sup> Melati Sumari et al., ‘Family Functioning in a Collectivist Culture of Malaysia: A Qualitative Study’, *The Family Journal*, vol. 28/4 (2020): 396-402.

tingkah laku devian. Menurut Pagnelili, keluarga merupakan agen sosialisasi yang akan mempengaruhi dalam membantu membentuk keperibadian dan akhlak remaja.<sup>34</sup> Dalam isu kehamilan luar nikah ini, remaja sangat memerlukan sokongan daripada ibu bapa dan penglibatan secara langsung bagi membantu mereka melalui pemulihan di institusi perlindungan.

Kajian mendapati terdapat program khusus yang melibatkan ibu bapa. Sebagai contoh pihak DARWA menganjurkan Hari *Parenting*. Kehadiran ibu bapa ke program tersebut adalah sebagai tanda sokongan kepada anak-anak mereka melalui proses pemulihan untuk membentuk semula sahsiah dan akhlak mereka. Program Hari *Parenting* merangkumi ceramah tentang pendidikan keibubapaan dalam keluarga. Pada hari berkenaan juga, Ustazah Hazlina, Pengurus DARWA akan bertemu dengan ibu bapa untuk memberi khidmat nasihat dalam membantu anak mereka. Selain itu, para ibu juga berpeluang untuk memandikan anak mereka dengan mandi taubat yang menjadi salah satu pendekatan pemulihan di institusi berkenaan. Seterusnya, DARWA juga memberi keizinan ibu bapa untuk melawat anak-anak mereka pada hari minggu.

*“Pernah. Hari parenting. Sebenarnya saya daripada saya masuk sampai sekarang mak ayah saya tak datang. Mula-mula saya fikir mak ayah saya benci kat saya. pastu, macam rupanya mak ayah saya tak datang sebab duk jauh, Pulau Pinang adik-beradik saya semua belajar. Pastu saya terkejut, parenting tu lah diorang datang. Time tu lah Ustazah Hazlina bagi kaunseling untuk mak ayah. Macam tu lah. time tu je lah”.*<sup>35</sup>

Pelatih meluahkan rasa kegembiraan dan terkejut apabila melihat kehadiran ibu bapa ke rumah perlindungan DARWA. Hal ini demikian, gambaran awal beliau ibu bapanya telah membencinya kerana kehamilan luar nikah tambahan lagi jarak rumah yang jauh daripada institusi perlindungan dan adik-beradik beliau masih bersekolah. Kehadiran ibu bapa ini memperlihatkan kewujudan kesan positif kepada emosi remaja yang sedang melalui pemulihan di institusi perlindungan.

<sup>34</sup> Enrico Pagnanelli, ‘Children as Adults: The Transfer of Juveniles to Adult Courts and The Potential Impact of Roper v. Simmons’, *The American Criminal Law Review*, vol. 44/1 (2007).

<sup>35</sup> Pelatih 5 (Penghuni, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

*“Mak ayah saya datang parent visiting tu macam mak ayah saya terkejut. Mak ayah saya ingatkan “siapa ni eh?” macam saya ni pun bukan macam dulu”.*<sup>36</sup>

Menurut pelatih DARWA ibu bapanya pula terkejut melihat perubahan di institusi perlindungan yang jauh berbeza dengan penampilan beliau sebelum memasuki institusi perlindungan. Hal ini menunjukkan kehadiran ibu bapa ketika proses pemulihan remaja hamil luar nikah di rumah perlindungan akan mengubah persepsi ibu bapa dan secara tidak langsung menjadi motivasi untuk pelatih terus berubah menjadi lebih baik.

Sementara itu, berdasarkan penyataan pengurus institusi perlindungan Baitus Solehah pula, institusi tersebut menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam menziarahi dan membawa anak-anak mereka ke rumah apabila hari perayaan bagi membolehkan anak mereka rasa gembira dan meningkatkan keyakinan diri. Namun begitu, respon ibu bapa bercanggah dengan apa yang dihasratkan oleh pengurus tersebut. Hal ini demikian, ibu bapa mengelakkan untuk menziarahi dan mengambil tahu tentang anak mereka kerana malu diketahui oleh jiran tetangga mereka. Malah, terdapat juga ibu bapa yang tidak datang menziarahi setelah menghantar anak mereka.

*“Ada yang walk in sendiri, bila datang sendiri memang tiada keluarga amik tau, ada juga yang hantar lepas itu tak jenguk dah, tanya kabar ada setiap minggu tiap-tiap minggu”.*<sup>37</sup>

Beliau juga menambah kenyataan beliau seperti berikut:

*“Ibu bapa sendiri tak nak, sebab nak elakkan jiran tetangga, sanak saudara datangkan rumah beraya takkan nak tunjuk anak saya. Menghilangkan diri dari kali pertama selama 5 tahun 30 orang mlarikan diri setakat ini. Menghilangkan dari hospital atau balik ke rumah. Ada parent yang berada datang mintak maaf jumpa saya”.*<sup>38</sup>

Manakala melihat kepada penyataan pelatih GKS, ketiadaan aktiviti khusus bersama ahli keluarga yang dijalankan di institusi perlindungan tersebut. Ibu bapa hanya terlibat secara tidak langsung bagi pembayaran

<sup>36</sup> Pelatih 6 (Penghuni, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

<sup>37</sup> Puan Muna Liza (Pengurus, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

<sup>38</sup> Puan Muna Liza (Pengurus, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

bulanan dan pendaftaran kemasukan. Malah, ada juga ibu bapa yang tidak mengambil tahu tentang anak-anak mereka sepanjang di institusi perlindungan Generasiku Sayang. Hal ini demikian, menurut pengurus GKS institusi ini hanya menyediakan tempat perlindungan dan membantu dalam urusan hal berkaitan penjagaan sebelum dan selepas kehamilan. Oleh itu, pihak mereka kurang menumpukan kepada program pemulihan yang melibatkan ibu bapa.

*“Kita memang kenakan bayaran kepada dia supaya benda ini bagi family dia tidak letak macam begitu sahaja tiada tanggungjawab sebab itu kita nak ada sokongan family, parents mesti tahu lah, anak mesti hantar at least saya naklah keluarga dia, mak dia ataupun kalau bercerai. mak dengan ayah dia akan datang hantar... datang hantar willing datang hantar willing bagi tanggungjawab kepada kita serah anak dia”.*<sup>39</sup>

Berdasarkan hasil temu bual bersama ketiga-tiga pelatih rumah perlindungan, penglibatan keluarga sepenuhnya terutamanya ibu bapa dalam proses pemulihan remaja hamil luar nikah kurang dilaksanakan sebaliknya lebih kepada tanggungjawab pihak institusi membantu dalam pemulihan remaja ini di rumah perlindungan Baitus Solehah dan GKS. Hal ini demikian, ibu bapa dilihat lebih menumpukan kepada proses kemasukan anak mereka yang terlanjur ini ke institusi perlindungan bagi menutup rasa malu. Manakala, rumah perlindungan DARWA menunjukkan terdapat usaha program khusus yang melibatkan ibu bapa bagi membantu proses pemulihan dalaman anak-anak mereka. Usaha ini juga memperlihatkan kesan positif kepada remaja yang melalui pemulihan di institusi tersebut.

Antara faktor utama yang dikenal pasti yang menjadi penyebab kepada kurang penglibatan ibu bapa dan tidak memberi sokongan dalam pemulihan remaja di rumah perlindungan adalah berpunca masalah komunikasi antara remaja dan ibu bapa mereka sebelum terjebak dalam kehamilan luar nikah. Menerusi luahan pelatih daripada BS dan DARWA berkenaan hubungan dengan ahli keluarga didapati mereka meluahkan ketiadaan komunikasi yang baik antara ibu bapa mereka. Hal ini jelas dinyatakan oleh pelatih BS, beliau tidak mempunyai kesefahaman antara satu sama lain kerana kurang berkomunikasi dan ia memberi kesan kepada

---

<sup>39</sup> Puan Siti (Pengurus, Rumah Perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

penerimaan ibu bapa beliau terhadap keterlanjurannya serta tidak dapat menerima kewujudan bayi yang baru lahir.

*“Terjadi ketidaksefahaman antara keluarga iaitu kerana tiada komunikasi antara keluarga”.*<sup>40</sup>

*“Sehingga kini mak ayah sedikit demi sedikit masih cuba menerima apa yang berlaku dan masih tidak menerima sepenuhnya kewujudan bayi. Tiada komunikasi di antara keluarga”.*<sup>41</sup>

Pelatih DARWA pula mengakui komunikasi dengan ibu ayah hanya akan berlaku jika mempunyai urusan penting terutamanya apabila ibu bapanya memerlukan pertolongan daripada beliau. Hal ini menunjukkan komunikasi tersebut bersifat sehala dan tiada komunikasi terbuka antara ibu bapa dengan anak remaja mereka. Walhal di fasa ini, remaja memerlukan nasihat dan bimbingan ibu bapa dalam mereka menyelusuri perkembangan remaja.

*“Saya dengan mak ayah saya macam kalau kata ada benda penting, contoh kalau ayah saya nak minta tolong, cakap kata “Boleh tak tolong abah, harini abah ada event, tolong abah.” Tolong abah macam- apa- Tolong abah siapkan tempat-tempat macam tu je”.*<sup>42</sup>

*“Sebab kita susah nak kumpulkan keluarga awal, pertengahan dan akhir. Pertengahan tu bila ada isu yang berkait yang naik contoh anak dia buat hal tak boleh ditangani dia, memerlukan bantuan keluarga. Dia menyamaratakan ah maksudnya pelatih tu mengungkit apa yang jadi kat sini semuanya adalah salah keluarga sendiri dan bukan salah dia”.*<sup>43</sup>

Pelaksanaan komunikasi yang positif antara anak-anak dan ibu bapa akan mempengaruhi perkembangan tingkah laku serta corak pemikiran

<sup>40</sup> Pelatih 1 (Penghuni, Rumah Perlindungan Baitus Solehah) dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

<sup>41</sup> Pelatih 1 (Penghuni, Rumah Perlindungan Baitus Solehah) dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

<sup>42</sup> Pelatih 6 (Penghuni, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

<sup>43</sup> Puan Baizura (Kaunselor, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

anak-anak. Malah, komunikasi yang berkesan adalah asas kepada kefungsian dan kebahagiaan sesebuah keluarga. Sebagaimana contoh komunikasi antara Nabi Ya‘qūb AS dan Nabi Yūsuf AS yang boleh difahami berdasarkan Surah Yūsuf, ayat 5:

قَالَ يَيْتَىٰ لَا تَفْصُصْ رُءْبَاكَ عَلَىٰ إِخْوَتَكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الْشَّيْطَانَ  
لِلْإِنْسَنِ عَدُوٌ مُّبِينٌ ﴿٥﴾

*“Bapanya berkata: Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana aku khuatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadapmu. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia”.*

(Surah Yūsuf, 12: 5)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan *ya bunayya* yang digunakan dalam konteks ayat ini jelas menunjukkan cara Nabi Ya‘qūb AS melahirkan kasih sayang kepada Nabi Yūsuf AS dengan panggilan yang penuh hikmah. Baginda memanggil dengan panggilan yang baik. Selain itu, pendekatan didikan yang menggabungkan larangan dan penyataan sebab atas sesuatu larangan adalah pendekatan yang baik.<sup>44</sup> Menurut al-Shā‘rāwī, pendekatan ini sangat disarankan apabila ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak mereka untuk mengeratkan hubungan dan memudahkan anak-anak mendekati ibu bapa bagi tujuan perbincangan yang lebih meluas.<sup>45</sup> Hubungan yang erat terjalin antara ibu bapa dan anak akan memudahkan anak-anak berkongsi masalah dengan ibu bapa berbanding kawan-kawan supaya ibu bapa dapat memberi bimbingan dan nasihat.<sup>46</sup>

Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati hanya rumah perlindungan DARWA mempunyai program khusus yang melibatkan ibu bapa dan menunjukkan respon positif daripada ibu bapa untuk hadir ketika program

<sup>44</sup> Hassan Suleimān & Fātimah Karīm, ‘Surah Yūsuf dari Lensa Dakwah dan Pendidikan: Kajian Analitikal’, *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, vol. 7/2 (2023): 22-38.

<sup>45</sup> Mastura Bohari, ‘Teacher’s Emotional Intelligence Based on Morality in Surah Yusof’, *International Journal of Academic Research in Business & Sosial Sciences*, vol. 11/12 (2021): 2604-2618.

<sup>46</sup> Mohd Fikri Bin Yazan, ‘Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja’ (Ph.D Tesis, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 2021).

tersebut. Manakala institusi GKS dan BS tidak mempunyai program khusus melibatkan ibu bapa. Namun begitu, pihak institusi tidak membataskan hubungan dengan ibu bapa untuk mewawat dan menghubungi anak-anak mereka dengan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, kajian mendapati ibu bapa juga kurang kesedaran dalam turut serta membantu pemulihan anak-anak mereka di institusi perlindungan dengan menziarahi dan memberi sokongan kepada anak mereka.

**b) Pengintegrasian Kerjasama Dengan Komuniti Setempat, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Sekolah**

Hasil temu bual dengan informan dari ketiga-tiga institusi perlindungan menunjukkan kewujudan kerjasama dan hubungan sosial bersama komuniti setempat dalam proses membantu pemulihan remaja hamil luar nikah. Kajian mendapati institusi perlindungan mengadakan kerjasama dengan menjalankan program yang melibatkan komuniti pelajar seperti Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pihak masjid dan sektor kesihatan serta kejiranan setempat. Menurut Pengurus DARWA:

*“Mereka ada aktiviti dengan IPTA dan IPTS datang buat aktiviti bersama pelatih seperti gotong-royong bantu pelatih dekat sini. Ada juga khidmat kita keluar dari rumah perlindungan dinamakan “bakti belia” contoh pergi rumah warga tua dan ada yang dianjurkan oleh masjid sekeliling. Kita pilih kalangan senior yang dah semakin baik, dan mereka diberi sijil penyertaan”.*<sup>47</sup>

*“Orang luar yang menawarkan diri, Klinik Tampoi yang akan bersihkan longkang, yang lepas fakulti UTM pengurusan bersama masjid buat program, kilang-kilang CSR buat akitiviti di sini”.*<sup>48</sup>

Pihak institusi juga menerima kunjungan daripada pelajar universiti yang terdekat bagi menjalankan aktiviti pembangunan pelatih dan motivasi bagi mereka suntikan semangat untuk meneruskan fasa baru dalam kehidupan. Kunjungan pelajar universiti juga secara tidak langsung memberi pelatih peluang untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dalam membina konsep kendiri yang positif. Seterusnya, terdapat juga kunjungan sukarelawan dari masjid dan IPT yang datang untuk memberi khidmat

<sup>47</sup> Puan Nisha (Pengurus, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

<sup>48</sup> Puan Muna Liza (Pengurus, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

seperti khidmat kaunseling, berkongsi kemahiran dan membersihkan kawasan sekitar institusi perlindungan.

Selain itu, kajian mendapati rumah perlindungan mempunyai jaringan yang baik dengan pihak hospital bagi membantu pengurusan pemeriksaan berkala dan membantu urusan bersalin sehingga *discaj* daripada wad di hospital. Hal ini menunjukkan pihak hospital memberi sokongan yang baik kepada rumah perlindungan dan memudahkan urusan mereka. Di BS, pengurus menyatakan seperti berikut:

*“Khidmat sepenuh masa dengan saya hantar ke klinik pagi dan petang, pergi hospital ini bukan sekejap paling kurang 4 jam hantar dan ambil seorang sakit beranak dua teman saya dah latih mereka ini, saya melatih mereka mengenal hospital berkaitan pendaftaran semua pelatih yang nak bersalin familiar hospital bila saya suruh tunggu dimana-mana, Hospital Sultan Aminah”.*<sup>49</sup>

Pengurus BS menambah lagi:

*“Saya networking utama hospital la dan jabatan sosial, kami kena berurus dengan wad dan jabatan sosial”.*<sup>50</sup>

Tidak kurang juga rumah perlindungan GKS mempunyai jaringan dengan hospital dan klinik bagi tujuan pemeriksaan dan penjagaan berkala remaja yang hamil. Selain itu, pengurus GKS juga menyatakan bahawa remaja yang telah melahirkan anak dan pulang ke rumah akan dirujuk ke klinik yang berdekatan pemeriksaan lanjutan ibu dan bayi.<sup>51</sup> Hal ini menunjukkan penjagaan dari sudut kesihatan bagi ibu yang mengandung dititikberatkan oleh pihak rumah perlindungan.

Bagi penglibatan komuniti menerusi kepelbagaian program menunjukkan pihak institusi menjalinkan hubungan dengan agensi hospital untuk memudahkan pemeriksaan berkala dan penjagaan sebelum bersalin. Apabila masa bersalin tiba, pihak institusi perlindungan bersama bantuan daripada pihak hospital menguruskan urusan hal-hal seperti bersalin,

<sup>49</sup> Puan Muna Liza (Pengurus, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

<sup>50</sup> Puan Muna Liza (Pengurus, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

<sup>51</sup> Puan Siti (Pengurus, Rumah Perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

penyediaan dokumen untuk bayi yang telah lahir dan penjagaan ibu dan bayi selepas bersalin.

Selain itu, menerusi temu bual kajian ini juga menunjukkan antara program-program yang dijalankan dengan kerjasama komuniti adalah program pembangunan kemahiran sosial yang berbentuk vokasional seperti menjahit, memasak dan aktiviti luar yang melibatkan fizikal seperti khidmat masyarakat, gotong-royong, permainan *indoor* dan *outdoor* dan *explorace*.

*“Ada. Icut lah, ada banyak benda. Kitaorang buat keychain-keychain, beg-beg. Pastu ada buat aktiviti game. Benda-benda yang... semua macam fun lah. Sebelum ni kan, ada aktiviti outdoor, macam main-main. Diaorang banyak buat benda yang seronok lah. Tak tension lah. Seronok diorang buat aktiviti ni”.*<sup>52</sup>

Berdasarkan pernyataan pengurus GKS menunjukkan rumah perlindungan GKS mempunyai kerjasama dengan agensi seperti KEMAS bagi memberi tunjuk ajar cara pembuatan kek dan kemahiran asas masakan.

*“Untuk jahitan kita kurang lah sebab tidak sempat, KEMAS datang untuk buat kek, macam masak-masak mi”.*<sup>53</sup>

Berdasarkan hasil temu bual, pelaksanaan program yang melibatkan komuniti setempat seperti pihak masjid, klinik dan kilang dijalankan bersama pihak rumah perlindungan sebagai tanggungjawab sosial mereka. Hal ini menunjukkan pihak rumah perlindungan bukan kerajaan mempunyai kesedaran dan keterbukaan dalam melibatkan komuniti bersama dalam pemulihan remaja hamil luar nikah.

Kesungguhan komuniti melibatkan diri dalam proses pemulihan di rumah perlindungan memberi impak yang positif ke atas perkembangan diri pelatih. Kajian menunjukkan kehadiran komuniti telah membantu remaja yang hamil luar nikah bagi memulakan kehidupan baru dan mengurangkan perasaan rendah diri apabila berhadapan dengan masyarakat kelak. Penglibatan komuniti ini juga telah menghakis pemikiran remaja hamil luar nikah yang masyarakat tidak menyisihkan mereka dan menerusi

---

<sup>52</sup> Pelatih 6 (Penghuni, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

<sup>53</sup> Puan Siti (Pengurus, Rumah Perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

interaksi bersama komuniti mereka berpeluang meningkatkan kemahiran sosial serta nilai-nilai kemasyarakatan.

## KESIMPULAN

Penglibatan komuniti dalam pemulihan di rumah perlindungan adalah sangat ditekankan dalam Islam terutamanya penglibatan ibu bapa. Pemulihan akan menjadi lebih efektif dengan penglibatan komuniti yang optimum.

### 1. Pemulihan Melibatkan Ibu Bapa

Kajian menunjukkan remaja yang terjerumus dengan kehamilan luar nikah mempunyai masalah komunikasi dengan ibu bapa mereka. Selain itu, ibu bapa juga mempunyai sikap acuh tidak acuh dengan proses pemulihan apabila tanggungjawab pemulihan dan perlindungan remaja hamil luar nikah diletakkan ke atas rumah perlindungan sahaja. Remaja yang mempunyai tahap kepatuhan keagamaan keluarga menunjukkan kurang kecenderungan untuk terlibat dengan hubungan seksual terlarang.<sup>54</sup> Sehubungan itu, pihak rumah perlindungan perlu mempunyai program intervensi khusus bagi remaja hamil luar nikah yang melibatkan keluarga terutamanya ibu bapa dalam membantu memulihkan anak mereka. Penglibatan ibu bapa secara langsung dalam proses pemulihan akan berpotensi mengubah tingkah laku remaja tersebut. Ciri-ciri program khusus yang perlu dititikberatkan oleh pihak rumah perlindungan adalah melibatkan elemen komunikasi yang positif antara ibu bapa dengan anak-anak mereka, aktiviti bersama keluarga, membantu dalam penstrukturkan keluarga, menerapkan kemahiran ibu bapa dan membantu mengurangkan bebanan ibu bapa yang menyebabkan faktor kegagalan rumah tangga.

### 2. Pemulihan Melibatkan Rakan Sebaya

Pengaruh kumpulan rakan sebaya sangat kuat kepada individu. Pemilihan kumpulan yang salah akan membawa kepada pengaruh yang tidak sihat terhadap individu. Pelbagai pihak terutamanya keluarga memainkan peranan penting dalam mengenalpasti kumpulan rakan sebaya yang sesuai

<sup>54</sup> Azra Qistina Abdul Azis & Mohd Rizal Muwazir, ‘Analisis Konsep Kepatuhan Beragama Daripada Perspektif Islam’, *Online Journal of Islamic Management and Finance*, vol. 1/1 (2021): 48-62.

untuk anak-anak mereka dan membantu individu membina kumpulan rakan sebaya yang sihat dan lebih pro-sosial. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan rumah perlindungan melibatkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam menjalankan aktiviti pembangunan kendiri remaja hamil luar nikah yang menghuni di situ. Namun begitu, aktiviti yang dijalankan didapati tidak dirancang berdasarkan keperluan pelatih. Bagi tujuan intervensi, pihak rumah perlindungan perlu mempunyai perbincangan dan merancang aktiviti khusus yang melibatkan rakan sebaya bagi membina corak pemikiran dan membina keyakinan diri berhadapan dengan mereka kelak. Kebiasaannya remaja yang berisiko mempunyai masalah kemahiran lisan yang rendah, masalah kecelaruan diri dan jiwa serta tahap keyakinan diri yang rendah yang mendorong mereka memilih bersama rakan sebaya antisosial. Oleh itu, pihak rumah perlindungan boleh memfokuskan aktiviti kemahiran sosial individu seperti aktiviti yang melibatkan sistem kepercayaan dan pemikiran mereka, program menanamkan sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri, dan program meningkatkan kemahiran komunikasi. Selain itu, kaunseling kelompok bersama rakan sebaya juga boleh dilaksanakan bagi membentuk tingkah laku prososial remaja.

### **3. Pemulihan Melibatkan Agensi atau Komuniti**

Kajian mendapati ketiga-tiga rumah perlindungan menunjukkan keaktifan penglibatan komuniti dalam membantu pemulihan remaja hamil luar nikah di institusi perlindungan. Pelbagai agensi dilihat memberi perkhidmatan secara sukarela dan ingin membantu remaja hamil luar nikah seperti pihak masjid, institusi pendidikan dan kelompok kejiranan. Namun begitu, kebanyakan program yang dilaksanakan bersama penghuni rumah perlindungan bersifat kemahiran vokasional dan program juga tidak terancang mengikut keperluan semasa remaja. Pihak rumah perlindungan dicadangkan untuk merancang strategi program dengan menilai keperluan biologi dan sosial semasa remaja. Dalam pelaksanaan kemahiran vokasional, pihak rumah perlindungan perlu mengenal pasti keperluan dan minat remaja bagi menyediakan mereka mengikut keperluan pasaran negara.

Selain daripada pembangunan kemahiran vokasional, pembangunan ilmu pengetahuan juga perlu dititikberatkan oleh pihak komuniti. Keperluan mempunyai sistem khas pendidikan bagi remaja hamil luar nikah supaya mereka juga boleh menuntut ilmu seperti remaja yang lain perlu diambilkira. Pihak rumah perlindungan dicadangkan untuk

bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi remaja menghadiri kelas secara formal atau memberi kebenaran tenaga pengajar luar untuk mengajar di rumah perlindungan. Pendekatan ini diamalkan di negara maju seperti Sweeden, Amerika Syarikat dan Britain.

Konklusinya, penglibatan penuh komuniti dalam proses pemulihan remaja hamil luar nikah sedia ada masih perlu dipertingkatkan. Penglibatan yang dimaksudkan perlu melihat kepada semua aspek dan mengambil kira keperluan pelatih. Usaha ini secara tidak langsung akan membantu menghakis persepsi negatif masyarakat terhadap pelatih sebaliknya memberikan sokongan kepada apa jua bentuk pemulihan yang akan dilaksanakan oleh institusi perlindungan. Nilai tolong-menolong dan saling menguatkan perlu disuburkan bagi membantu remaja yang terlanjur kembali ke dalam masyarakat seterusnya menjadi individu yang bermanfaat.

## RUJUKAN

- Abdullah al-Amin al-Na'emy, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*, terj. Mohd. Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).
- Ahmad Hariri Mohd Saat & Raihanah Azahari, ‘Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif’, *Jurnal Syariah*, vol. 29/3 (2021).
- Albert Bandura. *Principles of Behavior Modification* (T.t.p: International Psychotherapy Institute, 2019).
- Azra Qistina Abdul Azis & Mohd Rizal Muwazir, ‘Analisis Konsep Kepatuhan Beragama Daripada Perspektif Islam’, *Online Journal of Islamic Management and Finance*, vol. 1/1 (2021): 48-62.
- Diana Conyers & Peter J. Hills, *An Introduction to Development Planning in The Third World* (New York: John Wiley & Sons, 1984).
- Enrico Pagnanelli, ‘Children as Adults: The Transfer of Juveniles to Adult Courts and The Potential Impact of Roper v. Simmons”, *The American Criminal Law Review*, vol. 44/1 (2007).
- Faridah Mydin Kutty, ‘Ikatan Keibubapaan dan Perapatan Rakan Sebaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Belia Felda Chini, Pahang’, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 7/4 (2022).

Haslina Junid, Mohd Suhadi Mohamed Sidik & Nor Hernamawarni Abdul Majid. ‘Penghargaan Kendiri Dalam Kalangan Remaja Di Pusat Pemulihan Akhlak’, *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, vol. 1/1 (2022).

Hassan Suleimān & Fatimah Karim, ‘Surah Yusuf dari Lensa Dakwah dan Pendidikan: Kajian Analitikal’, *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, vol. 7/2 (2023): 22-38.

Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman & Shahrulanuar Mohamed. ‘Pemulihan Diri Remaja Hamil Luar Nikah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor’ *Journal of Human Capital Development*, vol. 14/1 (2021).

Mastura Bohari, ‘Teacher’s Emotional Intelligence Based on Morality in Surah Yusof’, *International Journal of Academic Research in Business & Sosial Sciences*, vol. 11/12 (2021): 2604-2618.

Maznah Othman, Norulhuda Sarnon & Ezarina Zakaria, ‘Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal yang Dirujuk Ibu Bapa untuk Intervensi Kerja Sosial’, *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 16/9 (2019): 86-101.

Melati Sumari et al., ‘Family Functioning in a Collectivist Culture of Malaysia: A Qualitative Study’, *The Family Journal*, vol. 28/4 (2020): 396-402.

Mohd Fikri Bin Yazan, ‘Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja’ (Ph.D Tesis, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 2021).

Muhammad Abul Qasem, *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethic in Islam* (US: The University of California, 1975).

Muhammad Khairi Nabil Ezaddin & Azlina Abdullah, ‘Peranan Keluarga Dalam Kawalan Sosial Tingkah Laku Devian Mahasiswa’, *e-BANGI Journal*, vol. 18/2 (2021).

Muslim Ibn al-Hajjāj Abū al-Hasan al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (al-Qāhirah: Matba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Sharkāhu, t.t.).

N.K. Tharshini, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria, ‘Pengaruh Faktor Konsep Kendiri, Kesedaran Komuniti dan Sokongan Sosial Terhadap Pengintegrasian Sosial Bagi Pesalah Muda Di Malaysia’, *Kajian Malaysia*, vol. 39/1 (2021): 117-140.

- Noraffy Ahmad & Nasrudin Subhi, ‘Meneroka Faktor Resilien dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah yang Tinggal di Pusat Perlindungan, *Jurnal Psikologi Malaysia*, vol. 34/2 (2020).
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, ‘Pola Perubahan Sosiobudaya dan Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia’, *Akademika*, vol. 87/3 (2017): 165-178.
- Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon & Chong Sheau Tsuey, ‘Kehamilan Luar Nikah dan Reaksi Keluarga: Pengalaman Ibu Tanpa Nikah Yang Tinggal Di Rumah Perlindungan’, *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 18/6 (2021): 100-111.
- Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff, ‘Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur’, *Jurnal Usuluddin*, vol. 48/2 (2020): 1-23.
- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi, ‘Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih’, *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, vol. 7/2 (2020): 219-234.
- Nurul Husna Mansor & Raihanah Abdullah, ‘Peranan Komuniti Dalam Pengadilan Restoratif Menurut Islam’, dalam *Keadilan Restoratif Bagi Kanak-Kanak di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Kerja Sosial*, eds. Jal Zabdi Mohd Yusoff et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2020).
- Pathmanathan R. Nalasamy & Siti Hajar Abu Bakar Ah, *Hak Kanak-kanak Dalam Jagaan Institusi Awam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013).
- Siti Balqis Mohd Azam & Nik Mohd Arif Abd Razak, ‘Terapi Pelbagai Sistem Dalam Program Pemulihan Berasaskan Keluarga Untuk Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-Undang; Kertas Konseptual’, *The Malaysian Journal of Social Administration*, vol. 14/1 (2020): 115-137.
- Urie Bronfenbrenner, ‘Ecology of the Family as a Context for Human Development: Research Perspectives’, *Developmental Psychology*, vol. 22/6 (1986): 723-742.

### **Laman Sesawang**

Jamie, ‘KPWKM Minister: Msia Records 28 underage Pregnancies Daily, 35 % out Wedlock’, *Newswav*, 1 Januari 2022, [https://newswav.com/A2201\\_1QKS2L?utm\\_source=Newswav&utm\\_medium=](https://newswav.com/A2201_1QKS2L?utm_source=Newswav&utm_medium=)

Khairunnisa Kasnoon, ‘Tidak sah taraf, masa depan anak diragut’, *Astro Awani*, 2 November 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tidak-sahtaraf-masa-depan-anak-diragut-266368>, diakses 2 Mac 2021.

T.p, ‘Statistik Remaja Hamil 2014-2018’, *Sinar Harian*, 4 Mac 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/16145/infografik/statistik-remaja-hamil>

### **Temu bual**

Pelatih 1 (Penghuni, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

Pelatih 5 (Penghuni, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 2018.

Pelatih 6 (Penghuni, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, tarikh 2018.

Puan Baizura (Kaunselor, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

Puan Muna Liza (Pengurus, Rumah Perlindungan Baitus Solehah), dalam temu bual bersama penulis, 27 Mac 2018.

Puan Nisha (Pengurus, Rumah Perlindungan DARWA), dalam temu bual bersama penulis, 7 April 2018.

Puan Siti (Pengurus, Rumah Perlindungan GenerasiKu Sayang), dalam temu bual bersama penulis, 7 Oktober 2018.

### **Dokumen**

Buku Panduan SOP GenerasiKu Sayang.

Pamflet Rumah Perlindungan DARWA